

B3.4 MENJANA IDEA TENTANG KEPENTINGAN PENGAWETAN MAKANAN

STANDARD KANDUNGAN

2.3 Mengenal pasti maklumat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber.

STANDARD PEMBELAJARAN

2.3.1 Membuat kesimpulan yang munasabah berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada pelbagai sumber mengenai perubahan atau fenomena yang berlaku.

Aktiviti 1 Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai dalam petikan di bawah.

rosak

negara lain

penghantaran

bekalan makanan

kesegaran makanan

keperluan

bertahan lama

disimpan

bermusim

pembaziran makanan

kecemasan

sepanjang tahun

Kepentingan Pengawetan Makanan

Pengawetan makanan penting untuk mengelakkan makanan menjadi (1) _____. Makanan yang telah diawet dapat (2) _____. Pengetinan makanan dapat mengatasi masalah (3) _____ semasa (4) _____. Contohnya, semasa musim banjir. Proses pengetinan dan pembotolan makanan juga membolehkan makanan (5) _____ dalam tempoh yang lebih lama. Penyejukbekuan makanan pula dapat mengekalkan (6) _____. Pengawetan secara penjerukan dapat menjadikan buah-buahan tahan lebih lama.

Teknologi pengawetan makanan membolehkan sesetengah makanan yang dihasilkan oleh sesebuah negara boleh dinikmati oleh penduduk di (7) _____. Teknologi pengawetan makanan juga memudahkan makanan disimpan dan memudahkan (8) _____ makanan ke tempat lain. Selain itu, buah-buahan (9) _____ dapat dinikmati oleh rakyat tempatan (10) _____. Makanan yang diawet boleh memenuhi (11) _____ bekalan makanan penduduk sepanjang tahun. Negara juga dapat mengurangkan (12) _____.